



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN

**PROJEK PEROLEHAN SECARA RUNDINGAN TERUS BAGI
MEREKABENTUK, MEMBINA, MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MENGUJI DAN MENGUJITERIMA SATU (1) UNIT RoRo FERI
PENUMPANG DAN KARGO BAHARU KE JKR FERI PENGKALAN
KUBOR, TUMPAT KELANTAN**

PADA

23 JANUARI 2025 / 3.00 PETANG

BERTEMPAT DI

LIMBUNGAN JICORE SDN. BHD. LUMUT PERAK

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Zainal Alhakab Seman,
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Ir. Haji Zulkifli Abd. Rashad,
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Pakar

Yang Berusaha Ir. Suhaili Mansor,
Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal,

Yang Berusaha Ir. Mohd Nasir Bontat,
Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan,

Yang Berusaha Ir. Zamri Mat Kasim,
Pengarah JKR Negeri Perak Daruk Ridzuan,

Pegawai-Pegawai Kanan KKR, Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Sumber
Samudra Sdn. Bhd.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan rakan-rakan media yang saya
hormati sekalian

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di Limbungan Jicore Sdn. Bhd., Lumut, Perak, untuk menyaksikan satu lagi pencapaian besar dalam pembangunan infrastruktur negara, iaitu peluncuran feri baharu RoRo yang bakal berkhidmat di JKR Feri Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan majlis ini, khususnya Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya (JKR), Syarikat Sumber Samudra, dan semua rakan strategik yang telah memberikan sokongan penuh terhadap projek ini. Kehadiran para jemputan pada hari ini mencerminkan semangat bersama kita dalam menyokong agenda kerajaan MADANI untuk kemajuan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya ingin berkongsi sedikit sejarah berkenaan perkhidmatan feri ini. Perkhidmatan feri antara Malaysia dan Thailand merupakan laluan kedua utama di sempadan Negeri Kelantan, Malaysia, yang menghubungkan Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand. Perkhidmatan feri ini telah beroperasi sejak 1 April 1990 melalui perjanjian dua hala antara Malaysia dan Thailand di Pengkalan Kubor dan Takbai, dengan menggunakan Feri Sri Tanjong. Feri ini

telah menjangkau usia 32 tahun dan masih menyumbang sebagai nadi penghubung terpenting antara pekan Pengkalan Kubor di Negeri Kelantan dengan pekan Takbai di Selatan Thailand.

4. Pengguna lebih cenderung menggunakan perkhidmatan feri berbanding laluan darat Rantau Panjang, Kelantan ke Sg. Golok, Thailand kerana ia lebih dekat dengan pekan Takbai serta daerah-daerah atau kampung-kampung yang berdekatan di Selatan Thailand disamping menjimatkan tempoh perjalanan dan kos. Waktu perjalanan feri bagi kedua-dua negara adalah selama 12 jam, bermula pada jam 7:00 pagi dan berakhir pada jam 7:00 petang setiap hari.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Hari ini, pembangunan infrastruktur negara menyaksikan satu lagi pencapaian besar, iaitu peluncuran feri baharu RoRo di Limbungan Jicore Sdn. Bhd., Lumut, Perak. Pembinaan feri baharu ini mengambil masa selama 12 bulan, bermula dari 1 Mac 2024 hingga 28 Februari 2025. Hari ini merupakan detik bersejarah kerana pelancaran feri baharu ini menandakan kali pertama ia diturunkan ke laut untuk menjalani proses pengujian '*sea trial*', latihan, dan seterusnya penghantaran ke Jeti JKR Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.
6. Jangkaan tempoh '*sea trial*' adalah dari 24 Januari 2025 hingga 7 Februari 2025, tempoh Program Latihan Operasi dan Penyenggaraan Feri adalah dari 10 hingga 16 Februari 2025, dan

seterusnya, penghantaran feri ke Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan dijadualkan pada 17 hingga 22 Februari 2025. Feri ini akan meneruskan tempoh penyesuaian dari 23 hingga 28 Februari 2025 sebelum dicadangkan untuk dirasmikan pada bulan Mac 2025.

7. Projek feri ini adalah hasil kerjasama antara Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Syarikat Sumber Samudra Sdn. Bhd. Ia bakal menggantikan feri sedia ada, iaitu Feri Sri Tanjung, yang sering mengalami kerosakan.
8. Feri baharu sepanjang 33 meter ini bukan sahaja direka untuk memenuhi keperluan semasa, malah turut dilengkapi dengan teknologi terkini yang lebih mesra alam. Ini selaras dengan usaha untuk mengurangkan jejak karbon dan menyokong matlamat pembangunan lestari. Feri baharu RoRo ini mampu menampung seramai 58 orang penumpang dan enam kru feri, lapan kenderaan ringan, sebuah bas 44 penumpang, empat buah lori 5 tan, atau dua buah lori 10 tan.
9. Projek ini adalah manifestasi kejayaan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta. Kerjasama ini membuktikan bahawa industri tempatan kita mampu menghasilkan produk berkualiti tinggi yang setanding dengan piawaian antarabangsa. Jabatan Kerja Raya diminta untuk terus memainkan peranan penting dalam memastikan feri ini diselenggara dengan baik agar dapat memberikan perkhidmatan yang konsisten dan berkualiti kepada rakyat.

10. Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Kepada warga kerja Jabatan Kerja Raya, tahniah atas komitmen dan dedikasi anda dalam memastikan kejayaan pelancaran feri ini. Semoga feri ini menjadi simbol kejayaan dan kemajuan negara kita, Malaysia MADANI, yang memberi manfaat besar kepada rakyat kedua-dua negara dan merapatkan lagi hubungan luar antara Malaysia dan Thailand.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh.